

**TEKS UCAPAN PRESIDEN ANGKASA
DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH**

PROGRAM	MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-40
TARIKH	27 JUN 2026 (SABTU) 11 MUHARRAM 1448H
MASA	9.00 PAGI
TEMPAT	AUDITORIUM ANGKASA, WISMA UNGKU A. AZIZ, KELANA JAYA

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Malaysia MADANI dan salam koperasi.

1. Syukur Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berhimpun dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-40 pada hari ini.
2. Lebih membanggakan, MAPA kali ini dilaksanakan secara hibrid dengan penyertaan perwakilan secara fizikal di Auditorium ANGKASA serta penyertaan dalam talian dari seluruh negara, menghimpunkan hampir **6,000 orang perwakilan koperasi.**
3. Saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh perwakilan koperasi yang hadir sama ada secara fizikal mahupun maya, para tetamu kehormat, wakil kementerian dan agensi kerajaan serta rakan-rakan koperasi yang sentiasa menyokong perjuangan dan agenda pembangunan gerakan koperasi negara.
4. Kehadiran para perwakilan pada hari ini mencerminkan kesungguhan dan iltizam bersama dalam memastikan gerakan koperasi terus relevan, berdaya saing serta mampu memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

Para Perwakilan Yang Saya Hormati dan Kasihi,

5. MAPA bukan sekadar memenuhi tuntutan perundangan atau tanggungjawab organisasi. Sebaliknya, ia merupakan platform penting untuk kita menilai pencapaian, memperhalusi strategi serta merangka langkah-

langkah baharu bagi memperkukuhkan lagi kedudukan gerakan koperasi pada masa hadapan.

6. Dalam suasana ekonomi yang sentiasa berubah dan penuh cabaran, gerakan koperasi perlu terus memperkukuh daya tahan, meningkatkan kecekapan serta meneroka peluang baharu agar manfaatnya dapat terus dinikmati oleh anggota dan komuniti.
7. Oleh itu, saya berharap MAPA Ke-40 ini dapat menjadi medan terbaik untuk kita berkongsi pandangan, menyumbang idea serta memperkukuhkan semangat kebersamaan demi memastikan gerakan koperasi terus berkembang secara mampan.
8. Hari ini bukan sekadar hari untuk membentangkan laporan atau meluluskan usul. Hari ini adalah detik penting untuk kita memperbaharui komitmen terhadap masa depan gerakan koperasi Malaysia. Setiap keputusan yang dibuat dalam mesyuarat ini akan memberi kesan kepada jutaan anggota koperasi di seluruh negara. Justeru, tanggungjawab yang dipikul oleh setiap perwakilan amat besar dan signifikan.
9. Gerakan koperasi yang kita warisi hari ini terbina hasil usaha dan pengorbanan generasi terdahulu. Mereka telah meletakkan asas yang kukuh sehingga koperasi menjadi antara pemacu penting pembangunan sosioekonomi negara. Alhamdulillah, hasil kesepakatan, kerjasama dan semangat yang tidak pernah luntur, koperasi terus berkembang sebagai wadah ekonomi rakyat yang inklusif, berdaya tahan dan memberi manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Para Perwakilan Yang Saya Hormati dan Kasihi

10. ANGKASA terus memainkan peranan sebagai badan puncak gerakan koperasi negara dengan memperkukuhkan pembangunan koperasi berteraskan Dasar Koperasi Malaysia (DAKoM) 2030, Dasar Keusahawanan Nasional 2030 serta Pelan Digital Koperasi Malaysia 2030. Tumpuan utama diberikan kepada usaha meningkatkan kompetensi, daya saing dan keupayaan koperasi agar terus relevan serta berdaya tahan dalam mendepani cabaran ekonomi semasa dan era pendigitalan.
11. Hasil kerjasama erat dengan kerajaan, ANGKASA terus diiktiraf sebagai rakan strategik dalam menjayakan pelbagai agenda nasional termasuk keterjaminan makanan, pembangunan komuniti dan usaha membantu rakyat menangani kos sara hidup.
12. Dalam memastikan suara dan aspirasi gerakan koperasi sentiasa diberikan perhatian di peringkat tertinggi negara, ANGKASA terus memainkan peranan

sebagai jambatan yang menghubungkan koperasi dengan pembuat dasar, kementerian dan kepimpinan negara bagi memastikan kepentingan gerakan ini terus diperkasakan.

13. Melalui penganjuran Kongres Koperasi Kebangsaan 2024, pelbagai resolusi dan cadangan strategik telah diketengahkan bagi memperkukuhkan ekosistem koperasi negara. Kesediaan kerajaan untuk mendengar dan mempertimbangkan pandangan gerakan koperasi membuktikan bahawa sektor ini terus diiktiraf sebagai antara komponen penting dalam pembangunan sosioekonomi negara
14. Kepercayaan **Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri** untuk ANGKASA memperkasakan lagi sektor koperasi di negara ini telah dilaksana menerusi pelbagai inisiatif perniagaan termasuklah Program Jualan Rahmah Madani ANGKASA, Program Sejati Madani dan program Transformasi Perusahaan Getah Negara (TARGET). – masih ada ke? serta pelbagai program pembangunan ekonomi komuniti yang memberi manfaat secara langsung kepada anggota koperasi dan rakyat.
15. Selaras dengan peranan ANGKASA sebagai suara gerakan koperasi negara, kita telah menganjurkan **Konvensyen Konsultasi Belanjawan Koperasi Malaysia 2027** yang menghimpunkan pemimpin dan penggerak koperasi bagi membincangkan hala tuju pembangunan sektor ini. Hasilnya, sebanyak lapan resolusi strategik telah dirumus dan diserahkan kepada Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Yang Berhormat Datuk Mohamad Alamin pada 11 Jun yang lalu untuk dipertimbangkan dalam penyediaan Belanjawan Negara 2027 dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13).
16. Antara intipati utama resolusi tersebut ialah pengiktirafan gerakan koperasi sebagai kuasa ekonomi ketiga negara, peningkatan penyertaan koperasi dalam perolehan kerajaan dan GLC, pembangunan transformasi digital, pemerkasaan belia dan profesional koperasi serta pengukuhan tadbir urus dan daya saing koperasi. Sehubungan itu, gerakan koperasi turut memohon peruntukan khas sebanyak RM500 juta bagi tahun 2027 untuk memperkukuhkan pembangunan dan penskalaan perniagaan koperasi melalui pelbagai agensi termasuk ANGKASA. Hasrat kita jelas, iaitu memastikan koperasi diberikan pengiktirafan yang sewajarnya dalam dasar utama negara sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi yang inklusif, mampan dan berteraskan kesejahteraan rakyat.

Para Perwakilan Yang Saya Hormati dan Kasihi

17. Gerakan koperasi negara terus mencatatkan perkembangan yang membanggakan. Pencapaian yang direkodkan membuktikan bahawa koperasi semakin diyakini sebagai model perniagaan yang mampan, inklusif dan berupaya menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara.
18. Seperti semua maklum, sehingga **Disember 2025**, gerakan koperasi negara berjaya mencatatkan jumlah **perolehan mencecah RM81.6 bilion**, mengatasi sasaran asal RM60 bilion lebih awal daripada tempoh yang dirancang.
19. Bagi memastikan pertumbuhan yang lebih progresif, ANGKASA terus menggalakkan penyertaan koperasi dalam sektor-sektor berimpak tinggi serta memperkukuhkan pembangunan kluster koperasi yang berpotensi berkembang ke tahap yang lebih besar.
20. **Melalui pelbagai inisiatif strategik, ANGKASA mempunyai sasaran peningkatan bilangan kluster koperasi dengan melibatkan mereka dalam sektor berimpak tinggi. Bagi kluster mikro kecil, kita sasarkan peningkatan 55 buah pada 2026 dan 155 buah pada 2030. Kluster Kecil-Sederhana pula 25 buah pada 2026 dan 145 buah pada 2030. Bagi kluster sederhana-besar pula adalah 1 buah pada 2026 dan 5 buah pada 2030.**
21. Pelbagai peluang perniagaan turut dibuka kepada koperasi melalui penglibatan dalam projek dan inisiatif di bawah Kumpulan Perniagaan Koperasi. Pendekatan ini membolehkan koperasi memperoleh akses kepada pasaran, teknologi dan model perniagaan yang lebih kompetitif.
22. ANGKASA terus memperluaskan pelaksanaan Program BA100 yang menjadi pemangkin transformasi sektor peruncitan koperasi secara digital. Program ini bukan sahaja memperkukuh rangkaian perniagaan koperasi, malah membuka peluang pasaran yang lebih luas kepada anggota. **Sehingga Mei 2026, sebanyak _____ buah outlet yang kita daftarkan melebihi sasaran awal ditetapkan iaitu _____ buah. Sasaran ANGKASA dari segi nilai jualan pada 2030 adalah sebanyak RM375 juta (Semak semula RM375 juta ini)**
23. **Menjelang tahun 2030, bagi projek ANGKASAMart kita sasarkan 850 koperasi terlibat, pelaksanaan produk OEM ANGKASA sebanyak 4,295 koperasi, CoopFarmasi 15 koperasi dan CoopUmrah sebanyak 100 koperasi .**
24. ANGKASA juga memberi penekanan terhadap pembangunan koperasi di semua peringkat termasuk koperasi sekolah. Pencapaian yang direkodkan oleh koperasi sekolah membuktikan bahawa budaya keusahawanan dan tadbir urus yang baik boleh dipupuk sejak usia muda. Di peringkat koperasi sekolah, sehingga ke hari ini **49 buah koperasi sekolah telah mencapai**

perolehan lebih RM1 juta yang mana 2 buah koperasi tersebut telah capai RM2 juta dan 1 koperasi mencapai RM3 juta. Inilah yang dinamakan kecil-kecil cili api. Pencapaian amat membanggakan ini diharap akan diteruskan oleh koperasi sekolah lain yang berpotensi meraih kejayaan yang seumpamanya.

25. Dalam usaha memperkukuhkan pembangunan komuniti, koperasi kariah masjid terus diberikan perhatian khusus. Koperasi ini mempunyai potensi besar untuk menjadi instrumen pembangunan ekonomi setempat yang mampu meningkatkan kesejahteraan masyarakat. **Sehingga kini ada _____ buah koperasi kariah masjid di seluruh negara dengan sasaran ANGKASA 1,000 buah koperasi kariah masjid dapat dibangunkan pada tahun ini.**

Para Perwakilan Yang Saya Hormati dan Kasihi

26. Prestasi Kumpulan Perniagaan Koperasi di bawah ANGKASA terus menunjukkan perkembangan yang positif. Peningkatan prestasi ini membuktikan bahawa pendekatan perniagaan yang dirancang secara strategik mampu menghasilkan pulangan yang memberi manfaat kepada keseluruhan gerakan koperasi. **Perolehan Kumpulan Perniagaan Koperasi pada tahun 2025 berjumlah _____, di mana kita menyasarkan sasaran sehingga 2030 perolehan sebanyak RM309.3 juta.**
27. Pelbagai projek berimpak tinggi telah dan sedang dilaksanakan melibatkan sektor pertanian, agromakanan, perladangan, logistik dan pembangunan ekonomi komuniti. Projek-projek ini bukan sahaja mewujudkan peluang perniagaan baharu, malah memperkukuh penglibatan koperasi dalam rangkaian nilai ekonomi negara.
28. Antara projek signifikan yang telah digerakkan merangkumi pelbagai sektor strategik di peringkat negeri bagi membuka ruang untuk koperasi terlibat termasuklah **Projek Nurseri Anak Benih Koko, tanaman Rock Melon, ekosistem ayam, tanaman nanas serta pelayaran Selat Selatan, Pembangunan tanah Sungai Tong di Setiu dan Inkubator koko premium. Projek – projek ini juga mendapat kerjasama yang baik daripada agensi dan badan kerajaan berkaitan.**
29. Anak-anak syarikat ANGKASA juga terus menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Inisiatif yang dilaksanakan dalam sektor tenusu, kesihatan, pembinaan, amanah dan perkhidmatan menjadi bukti komitmen ANGKASA dalam mempelbagaikan sumber pendapatan gerakan koperasi.
30. Projek ternakan lembu tenusu di bawah ANGKASA Komardi Dairy Sdn Bhd dijalankan di Kawasan berkeluasan **lebih 30 ekar di tanah milik Jabatan Perkhidmatan Veterinar ini menempatkan sebanyak 57 ekor lembu tenusu pelbagai kategori umur.** Projek ini selari dengan sasaran kerajaan untuk meningkatkan kadar sara diri (SSL) tenusu negara berkadar kira – kira 60 peratus pada tahun lalu dan disasarkan sebanyak 100 peratus menjelang 2030.

31. Dalam bidang pengurusan harta dan perancangan pewarisan, perkhidmatan yang ditawarkan melalui MyANGKASA Amanah Berhad terus mendapat kepercayaan masyarakat dan menjadi antara instrumen penting dalam memperkukuhkan kesejahteraan kewangan anggota. **Sehingga kini pendaftaran wasiat dan hibah hampir mencapai _____ kes dengan anggaran harta bernilai RM_____ billion dan aset di bawah pentadbiran amanah MAAB mencecah RM_____ juta.**
32. Sementara itu, sektor pembangunan perumahan yang diterajui oleh MyANGKASA Bina Sdn. Bhd. terus membuka peluang kepada warga koperasi dan komuniti untuk memiliki kediaman yang berkualiti melalui kerjasama strategik bersama pelbagai pihak. Terdapat **kerjasama dengan 19 Rakan Pemaju bagi tujuan ini. --- elaborate sikit projek apa?**
33. Ada beberapa anak syarikat lagi di bawah ANGKASA Seperti MyANGKASA Holdings Sdn Bhd, MyANGKASA Dialisis Sdn Bhd, MyANGKASA Services Sdn Bhd, MyANGKASA Farmasi Sdn Bhd dan ANGKASA Resources & Consultancy Sdn Bhd yang mana **perolehan terkumpul pada tahun 2025 adalah RM _____ juta.**
34. ANGKASA juga sedang fasa pemurnian pemilikan ekuiti strategik dalam sektor teknologi kewangan yang dijangka membuka ruang pertumbuhan yang lebih besar kepada koperasi pada masa hadapan. Langkah ini selaras dengan keperluan transformasi digital dan perkembangan ekonomi baharu. – **elaborate boost**
35. Dalam aspek pematuhan Syariah, ANGKASA terus komited memastikan koperasi beroperasi mengikut prinsip-prinsip yang selaras dengan kehendak syarak. Usaha ini menjadi antara faktor penting dalam meningkatkan keyakinan anggota dan masyarakat. Sehingga kini sebanyak _____ **Sijil Pematuhan Syariah ANGKASA telah kita keluarkan untuk koperasi. Manakala jumlah kutipan zakat bermula 2020 sehingga 2025 adalah sebanyak RM _____ juta.**
36. Melalui Yayasan ANGKASA dan Yayasan Infaq ANGKASA, pelbagai inisiatif kebajikan, pendidikan dan pembangunan modal insan terus dilaksanakan demi memastikan manfaat koperasi dapat dirasai oleh masyarakat secara lebih menyeluruh.
37. **Pada tahun lalu kita telah mengeluarkan pembiayaan sebanyak RM_____ Juta untuk Pendidikan anak warga koperasi melalui Yayasan ANGKASA. Melalui Yayasan Infaq ANGKASA pula, sebanyak _____ kutipan telah dibuat dan RM _____ telah diagihkan pada tahun 2025.**

38. Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA (KOPSYA) pula terus mencatatkan prestasi yang membanggakan dan memainkan peranan penting dalam menyediakan akses pembiayaan yang patuh Syariah kepada warga koperasi. **KOPSYA merekodkan pendapatan sebanyak RM_____ yang mencatat keuntungan bersih RM12.7 juta.** Sehingga kini, **KOPSYA telah meluluskan pembiayaan sebanyak RM1.3 Billion dan telah mengeluarkan pembiayaan sebanyak RM874 juta** kepada koperasi anggota dalam pelbagai sektor ekonomi termasuk hartanah, perladangan, peruncitan dan kredit.
39. NGKASA turut memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan daya saing produk koperasi melalui penambahbaikan pembungkusan, penjenamaan dan pemasaran agar mampu menembusi pasaran yang lebih luas. **Sehingga kini lebih _____ SKU produk koperasi yang berjaya diberi nafas baharu dari segi reka bentuk pembungkusan.**
40. Dalam masa yang sama, usaha membantu koperasi memperoleh pensijilan Halal terus dipergiatkan bagi memastikan produk dan perkhidmatan koperasi memenuhi piawaian yang ditetapkan serta berupaya bersaing di pasaran domestik dan antarabangsa. Dalam aspek pensijilan Halal pula, ANGKASA sangat proaktif membantu koperasi mematuhi keperluan piawaian industri makanan dan perkhidmatan Halal. **Sejak tahun 2020 hingga 2025, sebanyak _____ program pembangunan pensijilan Halal telah dilaksanakan melibatkan _____ koperasi di seluruh negara dengan _____ SKU produk yang berjaya memperoleh status Halal atau dalam proses kelulusan.**

Para Perwakilan Yang Saya Hormati dan Kasihi

41. Di peringkat antarabangsa, ANGKASA terus memperkukuhkan kedudukan gerakan koperasi Malaysia melalui pelbagai kerjasama strategik, perkongsian kepakaran serta penglibatan aktif dalam organisasi koperasi serantau dan global sejak menganggotai International Cooperative Alliance (ICA) pada tahun 1972. Penglibatan ini telah membuka ruang yang lebih luas kepada koperasi Malaysia untuk mengembangkan jaringan, memperluas perdagangan koperasi-ke-koperasi serta meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa.
42. Kedudukan ANGKASA di persada antarabangsa terus mendapat pengiktirafan dan penghormatan daripada komuniti koperasi dunia. Penglibatan aktif serta sumbangan berterusan yang dimainkan oleh ANGKASA telah memperkukuhkan peranan Malaysia sebagai antara negara yang disegani dalam pembangunan gerakan koperasi global.
43. Pengiktirafan tersebut turut dizahirkan melalui pemilihan semula saya sebagai Naib Presiden International Cooperative Alliance Asia and Pacific (ICA-AP). Mandat yang diberikan oleh lebih 30 negara anggota di rantau Asia Pasifik ini mencerminkan keyakinan terhadap kepimpinan Malaysia serta peranan

ANGKASA dalam menerajui agenda pembangunan koperasi yang inklusif, mampan dan berdaya tahan. Pada masa yang sama, saya juga telah dipilih semula sebagai Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO) bagi penggal 2026 hingga 2030, sekali gus memperkukuhkan kedudukan Malaysia dalam memacu kerjasama dan pembangunan koperasi di peringkat ASEAN.

44. Lebih membanggakan, ACO telah diiktiraf secara rasmi oleh ASEAN sebagai entiti bersekutu dan kini tersenarai dalam Lampiran 2 Piagam ASEAN di bawah kategori Civil Society Organisations. Pengiktirafan bersejarah ini membolehkan ACO memainkan peranan yang lebih signifikan dalam ekosistem serantau, memperkukuhkan suara gerakan koperasi dalam agenda pembangunan ASEAN serta membuka lebih banyak ruang kerjasama strategik di peringkat serantau. Kejayaan ini juga mencerminkan komitmen berterusan gerakan koperasi serta sokongan Kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, susulan resolusi Kongres Koperasi Kebangsaan yang telah ANGKASA laksanakan pada Julai 2024.

Para Perwakilan Yang Saya Hormati dan Kasihi

Penutup

45. Kejayaan yang kita kecapai pada hari ini bukanlah hasil usaha individu, tetapi lahir daripada semangat kebersamaan, pengorbanan dan komitmen seluruh warga koperasi yang sentiasa percaya kepada kekuatan gerakan ini. Cabaran yang mendatang sudah tentu lebih kompleks. Namun saya yakin, dengan kesatuan hati dan semangat kerjasama yang kukuh, kita mampu menghadapinya dengan penuh keyakinan.
46. Apa yang lebih penting ialah kita terus berpegang kepada prinsip integriti, amanah dan tadbir urus yang baik dalam setiap tindakan dan keputusan yang dibuat. Kita perlu sentiasa mengutamakan kepentingan gerakan melebihi kepentingan peribadi kerana masa depan koperasi bergantung kepada keputusan yang kita buat pada hari ini.
47. ANGKASA adalah milik seluruh gerakan koperasi. Ia dibina hasil perjuangan dan pengorbanan generasi terdahulu yang perlu terus dipelihara dan diperkasakan. Justeru, marilah kita terus memperkukuh perpaduan dan mengelakkan sebarang perkara yang boleh melemahkan kekuatan gerakan koperasi.
48. Marilah kita bersama-sama mempertahankan nilai, prinsip dan maruah gerakan koperasi agar terus dihormati serta diyakini oleh masyarakat. Jadikanlah setiap amanah yang dipikul sebagai tanggungjawab untuk berkhidmat dan menyumbang kepada pembangunan anggota, komuniti dan negara.

49. Saya akan terus komited bersama-sama seluruh warga koperasi untuk memperjuangkan kepentingan gerakan ini demi generasi hari ini dan akan datang.

50. Sebelum mengakhiri ucapan ini, marilah kita bersama-sama menadah tangan memohon doa agar segala usaha dan perjuangan yang dilaksanakan mendapat keberkatan serta rahmat daripada Allah SWT.

DOA PENUTUP (KALAU PERLU - MOHON INPUT BAHAGIAN SYARIAH)

51. Saya juga merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh jawatankuasa pelaksana, urus setia serta semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan penganjuran MAPA Ke-40 ini.

PANTUN PENUTUP

Embun pagi jatuh ke bumi,
Menyubur benih di dalam taman;
Amanah dipikul penuh integriti,
Menjadi pedoman sepanjang zaman.

55 tahun melakar sejarah,
Ditempuhi bersama penuh setia;
ANGKASA terus teguh melangkah,
Memacu koperasi ke persada jaya.

52. Akhir kata, marilah kita terus bersatu hati, memperkukuh gerakan koperasi dan melangkah ke hadapan dengan penuh keyakinan demi memastikan koperasi terus menjadi pemacu kesejahteraan rakyat serta pembangunan negara.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh